

Mencorakkan Parli

UM 21/4/08 M/S 10

Oleh KHAIRUDDIN MOHD. ZAIN

MAJORITI rakyat secara umumnya mahukan Parlimen yang hidup dengan kebijaksanaan dan segar dengan diskusi yang memihak kepada kepentingan rakyat.

Budaya berparlimen ala samseng, jerit pekik, hina-menghina, halau menghalau dan sebagainya, wajar hilang sama sekali jika sebenar-benarnya kalangan Yang Berhormat (YB) punya rasa hormat yang tinggi kepada 'dewan yang mulia' nanti.

Ahli Yang Berhormat perlu lebih peka dengan keadaan dan sentimen masyarakat sekeliling. Ketidapekaan inilah yang kadangkala menyebabkan kalangan Ahli Yang Berhormat mula menggunakan kata-kata kesat dan tidak berasaskan kepada pertimbangan akal dan budi.

Semoleknya, suasana sedemikian wajarlah dielakkan dalam kita melangkah ke 'suasana baru' Parlimen tidak beberapa lama lagi.

Berlaku beberapa kali dalam penggal sebelum ini di mana YB melontarkan ayat yang menyebabkan hati banyak pihak terguris. Menggunakan ayat sinikal dan melontar tuduhan perkauman dan buta 'kepentingan gender' juga akan menyebabkan kalangan rakyat mula bosan dengan tahap perbahasan Parlimen yang rendah akhlak dan budi.

Wajarlah agaknya, kalangan YB mencari 'keseimbangan' antara menjaga maruah parti yang diwakili, mengambil hati pengundi kawasan sendiri dan memelihara keharmonian kaum secara keseluruhannya.

Penting untuk kalangan ahli Yang Berhormat mempunyai 'kepekaan sosial' tentang apa yang bakal mereka perjuangkan di Parlimen. Percayalah, masa untuk mencari 'mileage' politik dengan membangkitkan isu perkauman dengan niat yang jahat tidak akan diterima pakai sebagai 'trend politik baru'. Ingatan bahawa tiada pengecualian dalam pelaksanaan Akta Hasutan adalah sesuatu yang perlu benar-benar diberikan perhatian.

Secara umumnya, berdasarkan latar belakang kalangan Ahli Parlimen penggal yang baru ini, rakyat secara keseluruhannya boleh mengharap-kan suatu bentuk perbahasan yang lebih intelektual dan berasaskan fakta. Suara yang kuat dengan jerit pekik tanpa sebarang tatangan keil-



SEBAHAGIAN ahli-ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional bertemu bersama Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra baru-baru ini.

muan; pastinya bukan lagi menjadi budaya dalam Parlimen Malaysia.

Kita mahukan suatu bentuk perbahasan yang lebih bernas; sekali gus memberikan bukti bahawa kita sedang melangkah ke arena pencapaian 'Parlimen Kelas Pertama'.

Parlimen Kelas Pertama mestilah mewujudkan budaya berbahas yang positif dan tidak emosional. Inilah masanya, kerja buat seluruh Kabinet, keperluan dan suara masyarakat akar umbi dapat disampaikan dalam suasana yang bijaksana. Parlimen mesti kelihatan hidup dengan budaya berbahas yang tidak menjurus kepada suasana yang rencam dan tidak terkawal.

Kejadian di mana seorang YB menghina YB yang lain dengan perkataan yang tidak enak perlu diberikan noktah. Kita tidak mahu Parlimen bertukar menjadi medan mendedahkan segala 'pekung politik' tetapi tidak menjurus kepada usaha membina negara dan bangsa dalam konteks yang lebih luas. Keperluan

Wajarlah agaknya 'keseimbangan' antara yang diwakili, mengambil hati sendiri dan memelihara keharmonian kaum secara keseluruhannya.

untuk melihat kepentingan Malaysia inilah yang perlu melepasi 'kepentingan politik kepartian' semata-mata.

Parlimen Kelas Pertama mesti dirasai nilai ilmu dan budinya. Tidak salah kalau kita beranggapan bahawa 'signal' rakyat dalam pilihan raya umum juga menjurus kepada keperluan Parlimen yang lebih rasional dan berpandangan jauh.

Sewajarnya, kita tidak terjerumus ke suasana 'semuanya mesti dibangkang'; kerana aku mewakili pembangkang'. Nilai pembangkang juga mesti diangkat tahapnya ke tempat yang lebih tinggi. Semuanya mesti diasaskan kepada fakta dan mencadangkan 'alternatif penyelesaian' dan

men kelas pertama



nasional yang menghadiri majlis
aru ini.

ya, kalangan YB mencari
ra menjaga maruah parti
il hati pengundi kawasan
ihara keharmonian kaum
secara keseluruhannya

bukannya bersifat meruntuh.

Tidak salah sekiranya kalangan Ahli Parlimen melakukan usaha penyelidikan yang lebih menyeluruh dalam cubaan untuk memperkatakan isu dan dasar yang besar.

Usaha ini mesti dilaksanakan secara bersungguh, dengan bantuan kakitangan dan sumber yang cukup bagi memastikan semua fakta dapat diperjelaskan dengan baik dan tuntas. Zaman bercakap kosong dan tidak didasari dengan fakta dah berlalu.

Parlimen Kelas Pertama mesti melihat secara serius kepada kedatangan menteri, timbalan menteri dan ahli Yang Berhormat secara khusus.

Suara rakyat mesti dihormati dalam erti kata yang sebenarnya.

Jangan menganggap bahawa rakyat tidak menilai 'prestasi' mereka di Parlimen. Kalau kita selalu mengungkap pandangan bahawa rakyat semakin bijak memilih; kalangan YB juga mesti mengambil serius soal kehadiran mereka di Parlimen.

Ditapis

Parlimen Kelas Pertama juga sewajarnya mempunyai mekanisme untuk menerima pandangan rakyat secara langsung. Elok juga sekiranya setiap Ahli Parlimen punya akaun e-mel terus yang dapat dipaparkan di laman sesawang Parlimen Malaysia. Kaedah untuk bertemu muka di 'pusat khidmat' kadangkala tidak begitu memudahkan.

Elok juga sekiranya soalan rakyat dapat ditapis nilai oleh YB sendiri. Mana yang sesuai dan dirasakan relevan dapat dibawa ke lantai perbahasan yang lebih tinggi.

Dengan hakikat dunia yang serba terbuka - wajarlah agaknya Ahli Parlimen tidak tertumpu kepada sempadan geografi yang mereka wakili semata-mata. Dalam isu tertentu, tidak salah jika pandangan seorang rakyat biasa dinilai secara ikhlas dan tidak melihat kepada asal-usulnya.

Peranan dan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mestilah juga dinilai secara yang cukup telus dan teliti. Banyak jawatankuasa dan laporan yang dibuat, tetapi tidak banyak yang dapat didengar daripada apa yang dicadangkan oleh jawatankuasa ini. Antara isu yang cukup dekat dengan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara: Projek Pembangunan Pangkalan TLDM Teluk Sepangar, Pelaburan Kerajaan Dalam Syarikat Swasta, Status Projek MRR2 dan Status Projek Bangunan Matriade (rujuk laman sesawang Parlimen Malaysia).

Apa sebenarnya yang telah disiasat perlu dibuka juga sedikit untuk pengetahuan rakyat. Dengan tidak mendedahkan segala maklumat ini, ia sekali gus akan membuka 'persepsi' yang tidak tepat di kalangan rakyat.

Demikian juga dengan peranan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat. Sinopsis laporan Jawatankuasa Pilihan Khas ini juga wajar dipaparkan sebagai medan rakyat

memahami apa yang sebenarnya dilakukan oleh jawatankuasa ini. Kita sudah tidak boleh lagi membiarkan kewujudan pelbagai jawatankuasa tanpa mengetahui apa nilai sebenar di sebalik kewujudannya.

Secara keseluruhannya, dengan keanggotaan Parlimen yang lebih 'rentas parti', sesuai dengan penerimaan konsep demokrasi, rakyat pastinya mengharapkan usaha timbang tara yang lebih terbuka dan luhur. Barang diingat, bahawa Parlimen mestilah berperanan sebagai 'tiang seri' kepada usaha demokrasi itu sendiri.

Kita pastinya tidak mengharapkan Parlimen menjadi sebuah medan yang 'vakum' sepenuhnya daripada semangat kepartian. Bagaimanapun, kita juga tidak mengharapkan bahawa Parlimen bertukar menjadi 'medan tempur kepartian' yang total. Ruang rasional Parlimen yang mulia mesti diangkat untuk menilai usaha pembangunan negara bangsa itulah yang mesti diutamakan.

Rakyat pastinya lebih bahagia sekiranya Parlimen dapat menjadi medan sebenar untuk memperkatakan sesuatu yang hak dan benar. Hakikatnya, panji dan ideologi apa pun yang kita wakili - soal kelangsungan nasib Malaysia di pentas yang lebih luas lebih wajar untuk diberikan perhatian. Keseimbangan inilah yang bakal mengangkat tahap Parlimen Malaysia di masa akan datang.

Latar belakang akademik kebanyakan kalangan Ahli Parlimen membangkitkan bahawa kita punya potensi besar untuk memiliki Parlimen yang segar bugar dengan amalan demokrasi. Dalam masa yang sama, kalangan Yang Berhormat juga mesti pantas menyesuaikan diri dalam suasana Parlimen yang baru nanti.

Tempoh masa antara 28 April hingga 27 Mei ini pastinya memberikan bayangan bagaimana sebenarnya 'iklim demokrasi' di Parlimen kita. Rakyat pastinya mengharapkan daya rasional dan semangat nasionalisme yang tinggi dapat mencairkan sedikit sebarang kemungkinan ekstremisme dan fanatisme politik kepartian.

Tidak penting siapa yang lebih lantang bersuara - asalkan suara itu selari dengan nada pembangunan negara bangsa yang luhur dan berpandangan jauh. Niat dan hasrat sebenar demokrasi mesti difahami dalam konteks yang lebih luas.